

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSELOR 2019

MENGAMBANG TEKNOLOGI



UniMAP KAMPUS SMART 2025

Oleh : Nurul Aida Othman


Tahun 2019 adalah tahun untuk memperkasakan lagi kemajuan teknologi, aspek manusia dan kemanusiaan dalam usaha menjadikan UniMAP sebagai SMART kampus, ujar Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.

Menurut beliau, paksi tindakan kita tahun ini ialah "Mengimbangi teknologi dan kemanusiaan" di mana usaha ini akan melibatkan aspek sistem, perkhidmatan, infrastruktur dan kelestarian.

"Kita mahukan kampus yang bersifat SMART di mana peranti, peralatan, aplikasi, perkhidmatan, infrastruktur dan pengguna semuanya terhubung, untuk mencetus pengalaman baharu dan pengalaman perkhidmatan yang efisien dan efektif."

"Keperluan untuk membangunkan sebuah kampus yang mempunyai ciri SMART adalah selari dengan kemajuan pantas teknologi dan 'sifat' pemegang taruh pengajaran tinggi yang majoritinya terdiri daripada golongan milenial," katanya ketika menyampaikan amanat beliau pada Majlis Ucaptama Tahunan Naib Canselor UniMAP di Kampus Alam UniMAP baru-baru ini.

Ujarnya, unsur-unsur SMART perlu diusahakan untuk wujud dalam persekitaran dan prosedur serta proses akademik dan penyelidikan, dan dalam konteks operasi universiti supaya semua kerja yang dihasilkan adalah yang terbaik.



"Tahun 2018, banyak aspek SMART telah pun dilaksanakan, seperti dalam kaedah pembelajaran-pengajaran di mana blended learning dan makmal interaktif digunakan, dalam aspek penyelidikan dan inovasi, serta dalam hal-hal pembangunan seperti penggunaan sistem GPS dalam pemantauan 46 unit bas kontrak melalui usahasama dengan CEASTECH."

"Dari segi proses kerja, kita telah mewujudkan Academic Mobile Apps yang berjaya mengintegrasikan eLearning untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi ini juga dapat menjimatkan kos sebanyak RM100,000 dari segi cetakan buku panduan akademik," katanya.

Prof. Dr Zul berkata, selain fokus terhadap perkembangan teknologi, UniMAP juga memberi tumpuan terhadap pengembangan insan.

Saya bukan bercakap tentang pengembangan bakat yang sudah biasa kita lakukan seperti pengukuhan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dan sebagainya.

"Tetapi keperluan pengembangan kemahiran insaniah yang penting dalam menangani perkembangan teknologi di mana pada akhirnya, *humans still need humans*," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata kemahiran teknologi boleh dipelajari, tetapi aspek kemanusiaan hanya boleh berlaku melalui pengalaman, justeru universiti bertanggungjawab memastikan pengalaman ini dilalui oleh pelajar dan juga staf di UniMAP supaya akan lebih berdaya tahan dan berdaya saing.

